

KKTKW (U) 18/4/2.01 Jld. 2(25)



Ibu Pejabat

Jabatan Ukur Dan Pemetaan

Jalan Semarak

50578 Kuala Lumpur

25 Mac, 1985

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.1TAHUN 1985
Bingkai Pelan Surat Hakmilik Tanah Mengikut Seksyen 3
Akta Pelan Tanah Dan Galian (Salinan Foto) 1950

1. Tujuan

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan memperbaiki serta meninggikan mutu dan juga mempercepatkan proses penyediaan surat hakmilik tanah; dan
- 1.2. Menyeragamkan proses penyediaan surat hakmilik tanah disemua Jabatan Ukur Negeri.

2. Salinan Foto Sebahagian Dari Pelan

- 2.1. Apabila satu atau beberapa lot dikehendaki untuk tujuan menyediakan surat hakmilik, bingkai pelan yang direka khas digunakan. Bingkai ini boleh letakkan atas pelan akui supaya lot yang dikehendaki terkandung didalamnya dan salinan foto dibuat.
- 2.2. Kedua-dua belah bingkai pelan ini boleh digunakan. Jadual rujukan data garisan sempadan diadakan disebelah muka untuk memudahkan proses penyediaan pelan surat hakmilik tanah bagi lot-lot yang memerlukan rujukan data perenggan lot.
- 2.3. Oleh kerana bingkai pelan ini mudah terkoyak, kotor dan tidak tahan lasak adalah perlu satu sarung dibuat untuknya. Sebaik-baiknya sarung ini hendaklah dibuat daripada bahan filem 'kodaktrace' (bukan jenis 'mattsurface'). Filem 'kodaktrace' dilipat dua untuk melitupi keseluruhan bingkai pelan. Pastikan bahagian tepinya lebih kurang 1 cm. lebih panjang daripada bingkai pelan. Ini adalah bertujuan untuk menampal pita lutsinar (seperti Scotch 810 Magic Transparent Tape atau setaraf dengannya) pada bahagian tepinya. Dengan menggunakan sarung 'kodaktrace' ini, bingkai

pelan surat hakmilik tanah dapat dikukuhkan dan boleh tahan lama.

2.4 Prosedur menggunakan bingkai pelan bersarung:

- (a) Tampal pita lutsinar atas filem 'kodaktrace' pada tempat-tempat yang hendak distensil dan juga pada tempat yang hendak ditunjukkan penunjuk utara.
- (b) Pada kebiasaannya arah utara adalah mengikut garisan tegak bingkai pelan. Penunjuk utara sebaik-baiknya dilukis pada sebelah kiri bahagian atas kawasan bingkai pelan surat hakmilik tanah.
- (c) Butir-butir seperti skala, syit peta kadaster, tarikh disediakan, mukim/ bandar, daerah, nombor pelan akui dan nama pengarah ukur negeri hendaklah distensil atas pita lutsinar.
- (d) Jika satu lot sahaja yang terkandung dalam bingkai pelan, nombor lot bolehlah distensil atas pita lutsinar dan salinan foto dibuat. Sebaliknya, jika lebih dari satu lot terkandung dalam bingkai pelan, nombor lot hendaklah distensil atas perin salinan foto secara individu.
- (e) Muka bingkai pelan yang mempunyai jadual rujukan digunakan apabila data tambahan perlu diberi. Tampalkan pita lutsinar pada jadual rujukan dan stensilkan bearing/jarak.
- (f) Tandatangan pemeriksa dan pengesahan dibuat atas perin salinan foto.
- (g) Sebaik sahaja proses penyediaan pelan surat hakmilik tanah selesai, pita lutsinar bolehlah ditanggalkan tanpa kerosakan kepada permukaan filem 'kodaktrace'.

3. **Salinan Foto Keseluruhan Pelan**

3.1. Adalah perlu membuat salinan foto keseluruhan pelan jika lot yang berkenaan tidak dapat dimuatkan dalam bingkai pelan.

3.2. (a) Satu sijil yang mengandungi kenyataan berikut hendaklah dibuat khas untuk salinan foto keseluruhan pelan:

"Adalah diakui mengikut seksyen 3 dalam Akta Pelan Tanah dan Galian (Salinan foto) 1950, bahawa ini ialah salinan pelanyang betul lagi benar yang telah dibuat pada.....".

.....

- (b) Sijil ini dilekatkan atas pelan pada tempat yang sesuai dengan pita lutsinar. Kemudian salinan foto dibuat. Selepas itu sijil tersebut ditanggalkan dari pelan. Butir-butir tambahan distensil atas perin salinan foto.

- 3.3 Bagi lot besar yang mempunyai lebih dari satu pelan dan juga pelan surat hakmilik subsidiari, prosedur yang sama hendaklah diikuti.

4. Borang Surat Hakmilik Tanah

- 4.1. Pelan surat hakmilik tanah hendaklah ditampalkan dengan kemas dimuka tiga borang berkenaan.
- 4.2. Gam lebih kurang 3cm lebarnya disepanjang sebelah kiri pada bahagian belakang salinan foto.
- 4.3. Pelan surat hakmilik tanah ini hendaklah dicetak timbul (embossed) pada bahagian bawah sebelah kiri.
Sila rujuk contoh pelan surat hakmilik tanah yang dilampirkan.

5. Tarikh Kuatkuasa Pekeliling

- 5.1. Prosedur di atas hendaklah diimplimentasikan mulai dari tarikh Pekeliling ini.

Sekian.

"BERSIH CEKAP DAN AMANAH"

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED,JSM)

Ketua Pengarah Ukur & Pemetaan

Malaysia.